

02 JAN 1999

UMNO PERLUKAN TOKOH BERWIBAWA SEPERTI MUHAMMAD, KATA NAJIB

IPOH, 2 Jan (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Umno memerlukan pemimpin berwibawa seperti Tan Sri Muhammad Muhd Taib untuk menguatkan barisan kepimpinannya di masa akan datang.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa di rumah Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib malam tadi, beliau mengalu-alukan kebenaran yang diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada bekas Menteri Besar Selangor itu untuk bergiat cergas semula dalam politik.

"Muhammad mempunyai peranan yang boleh dimainkan dengan berkesan dalam parti," kata Najib.

Selasa lepas, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur mendapati Muhammad tidak bersalah terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

Mengenai jawatan Naib Presiden Umno yang disandang Muhammad, Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata bahawa pada prinsipnya Muhammad diberi cuti untuk membela diri di mahkamah dan kini sudah zahir keputusan yang menunjukkan beliau tidak bersalah.

Bagaimanapun beliau berkata Majlis Tertinggi Umno akan menentukan kedudukan Muhammmad dalam mesyuaratnya yang akan datang.

-- BERNAMA

HJ MAI